

21/09/2003

MCA sedar tanggungjawab rakan kongsi

KUALA LUMPUR: Kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang adil dan sensitif terhadap semua kaum dan golongan masyarakat membolehkan konsep perkongsian kuasa dalam Barisan Nasional (BN) mampu bertahan hingga kini, kata Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting.

Beliau berkata, MCA berikrar untuk berperanan aktif menjayakan perkongsian kuasa kerana konsep itu terbukti mendatangkan banyak kebaikan kepada rakyat dan negara.

Ong berkata, beliau sering teringat pesanan Dr Mahathir, bahawa tiada satu kaum akan mendapat semua yang dituntut dan kerana itu perlunya sikap bertolak ansur untuk memberi dan menerima.

Walaupun pendirian ini kadangkala tidak memuaskan parti komponen, tetapi ia berjaya menjamin kestabilan, keseimbangan dan keutuhan BN. Ia mendatangkan kebaikan kepada rakyat dan negara.

"Kita bertuah mempunyai seorang pemimpin berkaliber, bijaksana, berani, berpandangan jauh dan berwawasan seperti Dr Mahathir untuk memimpin BN dan negara dengan cemerlang dan berjaya.

"Dr Mahathir seorang yang sensitif dan adil kepada semua pihak. Beliau bukan saja dihormati semua pemimpin BN tetapi juga disayangi semua rakyat," katanya berucap pada perhimpunan bersejarah perkongsian kuasa di Stadium Merdeka di sini, semalam.

Ong berkata, melalui hasil perkongsian kuasa BN, negara mencapai tahap kemakmuran yang tinggi, suasana harmoni, aman damai dan perpaduan yang kukuh.

Selain itu, melalui perkongsian kuasa, BN berjaya mempertahankan dua pertiga kerusi parlimen di Dewan Rakyat selama lima penggal berturut-turut. Ini suatu rekod yang sukar dicapai oleh orang lain.

Katanya, walaupun Dr Mahathir mengumumkan akan bersara akhir bulan depan, tetapi ketokohan sebagai seorang pemimpin yang dihormati dan disayangi rakyat akan menjadi faktor penting bagi BN untuk memenangi pilihan raya umum akan datang.

MCA yakin apabila Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menerajui pucuk pimpinan BN dan kerajaan, konsep perkongsian kuasa akan diteruskan.

Ong berkata, konsep perkongsian kuasa yang dimulakan melalui Perikatan dan terbukti diterima rakyat apabila Perikatan memenangi 51 daripada 52 kerusi pilihan raya umum pertama pada 1955. Selepas Perikatan, konsep perkongsian kuasa diperluaskan melalui BN.

Beliau juga berkata, BN hendaklah bersiap sedia menempuh cabaran baru seperti globalisasi dan era teknologi maklumat supaya BN terus relevan dengan perubahan zaman dan mampu meningkatkan daya saing.

Parti komponen BN mesti memperkukuhkan peraduan bagi menghalang parti pembangkang yang diketuai Pas yang berminat untuk membantu sebuah negara ala parti itu dengan mengetepikan nilai kepelbagaian dan majmuk.